



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	05.12.22	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	NRECC			

20 | NASIONAL

ISNIN 5 DISEMBER 2022 • SINAR HARIAN

Isu banjir, guna tenaga, perubahan iklim dan alam sekitar diberi perhatian



NIK NAZMI

SHAH ALAM - Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad akan memberi fokus kepada isu banjir, guna tenaga, perubahan iklim dan penjagaan alam sekitar.

Beliau berkata, empat perkara utama itu adalah dalam portfolio terbaharunya sebagai menteri selain ia adalah isu yang menjadi tumpuan rakyat.

"Ini satu tanggungjawab yang sangat besar, cabaran yang ber-

kaitan isu pada hari ini contohnya isu perubahan iklim, banjir dan tenaga. Saya tahu ia juga perkara yang anak-anak muda sangat prihatin.

"Saya akan cuba melihat isu-isu yang menjadi keutamaan dan apa kerajaan dapat lakukan untuk memantapkan kesiapsiagaan kita semua.

"Kita tidak hanya bercakap untuk melawan perubahan iklim tapi kita juga perlu menyesuaikan diri kepada perubahan iklim dan cuba sedaya

upaya sebelum ia menjadi lebih teruk," katanya.

Beliau berkata demikian selepas pelancaran bukunya, *Anak Malaysia: Sebuah Perjalanan Politik Progresif* sempena Pesta Buku Antarabangsa Selangor (SIBF) di Wisma Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) di sini pada Ahad.

Nik Nazmi berkata, hari ini beliau akan mendengar taklimat daripada pengurusan tertinggi dan mempertimbangkan keutamaan yang perlu

dilakukan oleh kementeriannya.

"Saya akan masuk ke pejabat di Wisma Sumber Asli, Putrajaya pada jam 8 pagi esok (Isnin) dan mendengar taklimat daripada pengurusan tertinggi kementerian.

"Kami juga ada mesyuarat Kabinet khas untuk dapatkan panduan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan saya akan lihat untuk umum apa-apa tentang rancangan," kata Ahli Parlimen Setiawangsa itu. - *Bernama*

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia